

WINTINEA LOTION

Tolnaftate (1%w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Wintinea Lotion
2. Bagaimana Wintinea Lotion berfungsi
3. Sebelum menggunakan Wintinea Lotion
4. Cara menggunakan Wintinea Lotion
5. Semasa menggunakan Wintinea Lotion
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Wintinea Lotion
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Wintinea Lotion

Wintinea Lotion digunakan untuk merawat jangkitan kulat pada kulit termasuk kurap, panau, kurap air dan sengkela.

Bagaimana Wintinea Lotion berfungsi
Wintinea Lotion mengandungi Tolnaftate yang boleh menghalang pertumbuhan kulat.

Sebelum menggunakan Wintinea Lotion

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Wintinea Lotion jika anda hipersensitif kepada tolinaftate atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam produk ini

- Sebelum menggunakannya

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Jika menggunakan ubat-ubat lain

Perhatian harus diambil apabila menggunakan bersama-sama dengan ubat topikal lain.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat lain.

Cara menggunakan Wintinea Lotion

- Berapa banyak harus digunakan

Bersihkan dan keringkan bahagian kulit terjangkit. Sapukan krim secara nipis pada kulit terjangkit. Basuh tangan sebelum dan selepas menggunakan losyen ini.

- Bila perlu digunakan

Gunakan 2 kali sehari atau ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan untuk tempoh yang disyorkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Untuk mengelakkan jangkitan berulang, teruskan rawatan selama 2 minggu lagi selepas gejala hilang.

Tempoh rawatan selama 4 hingga 6 minggu mungkin diperlukan. Tempoh rawatan yang lebih lama mungkin diperlukan untuk jangkitan kuku.

Rawatan boleh diulang jika jangkitan berulang.

- Jika anda terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda atau orang lain mungkin telah menggunakan terlalu banyak ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Semasa menggunakan Wintinea Lotion

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Hentikan penggunaan dan dapatkan nasihat doktor jika:

- Gatal-gatal, rasa pedih atau jangkitan tidak bertambah baik dalam masa 10 hari
- keadaan menjadi lebih teruk atau kerengsaan berlaku

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Tidak disyorkan untuk digunakan pada bayi dan kanak-kanak di bawah umur 2 tahun.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk kegunaan luar sahaja. Elakkan terkena mata, hidung dan mulut. Tidak boleh diminum.

Kesan-kesan sampingan

Krim Wintinea biasanya boleh diterima dengan baik apabila digunakan pada kulit. Kerengsaan, kemerahan atau kekeringan kulit boleh berlaku tetapi jarang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Wintinea Lotion

- Penyimpanan

- Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.
- Simpan di bawah suhu 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya.
- Pastikan botol ditutup rapat

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Wintinea Lotion ialah cecair jernih berwarna kuning muda.

- Bahan-bahan

- Bahan aktif
Tolnaftate 1%w/v

- Bahan tidak aktif
Industrial methylated spirits, polyethylene glycol 400, butylated hydroxytoluene, n-methylpyrrolidone, isopropyl myristate.

- Nombor MAL:

MAL07010995X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Winwa Medical Sdn. Bhd.
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,
Taman I.K.S. Bukit Minyak,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

22/02/2023

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)210223/00016